

Headline	Cabaran pengusaha harumanis Perlis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	815 cm ²
Journalist	DR. AHMAD ISMAIL	AdValue	RM 16,256
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,768



ralat & rureat
Bersama
DR. AHMAD ISMAIL

MANGGA harumanis atau nama saintifiknya *Mangifera indica Linn.*, sudah tidak asing lagi dengan negeri Perlis Indera Kayangan. Setiap tahun antara bulan April hingga Jun, negeri Perlis menjadi tumpuan pengunjung untuk mendapatkan harumanis segar.

Malah ada yang menempah lebih awal melalui Internet kerana permintaan yang tinggi, bekalnya yang terhad dan musimnya pendek.

Di Perlis dan kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu, mangga yang aromanya harum, manis dan isinya yang tebal kekuningan dimakan dengan pulut sebagai salah satu sajian tradisi.

Namun begitu ia juga enak dimakan begitu sahaja, dibuat jus, jem atau dicampur dalam masakan lain.

Harumanis mengeluarkan bau yang sangat harum apabila betul-betul masak. Isinya yang berwarna oren kekuningan dan rasanya enak dan manis lain daripada buah mangga yang lain menambahkan lagi tarikan orang ramai kepada harumanis.

Tarikan orang ramai kepada harumanis telah membuatkan harganya mencecah RM60 satu kilogram. Laporan lepas menunjukkan harga harumanis pada tahun 2014 ialah antara RM24 hingga RM27, manakala pada tahun 2015 hingga 2017 masing-masing antara RM25 hingga RM28, antara RM30

hingga RM40 dan antara RM20 hingga RM50.

Aliran semasa (*trend*) peningkatan harga ini mungkin menjelaskan peluang untuk semua rakyat Malaysia memakan harumanis yang musimnya hanya setahun sekali.

Setakat ini negeri Perlis sahaja yang didapati mengeluarkan harumanis secara besar-besaran. Negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia belum lagi berjaya mengeluarkan harumanis ini seperti Perlis dari segi kualiti dan jumlahnya. Penanaman harumanis di Perlis masih lagi terhad.

Pihak berkenaan perlu memikirkan sesuatu bagi meningkatkan pengeluaran, meningkatkan kualiti dan kawalan harga harumanis.

Harga harumanis menjadi mahal kerana permintaan yang tinggi manakala bekalnya tidak mencukupi serta kos penjagaan rapi yang mahal dan kawalan kualiti buahnya.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1971-1975), Jabatan Pertanian telah memperkenalkan klon harumanis MA128.

Kemudiannya pada tahun 1979-1982, Jabatan Pertanian Perlis telah menjalankan program baik pulih dusun.

Pada tahun 1985-1993, program harumanis telah diaktifkan secara besar-besaran, manakala pada tahun 2007 pengeluaran harumanis secara industri telah dilaksanakan.

Usaha Jabatan Pertanian selama 46 tahun dengan gabungan sokongan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), pengusaha harumanis, industri dan pihak institusi pengajian tinggi (IPT) mempopularkan lagi harumanis dan meningkatkan pengeluarannya dari segi jumlah dan kualitinya.

Setakat ini, MARDI melaporkan seluas 1037.91 hektar



PEMILIK ladang tanaman Harumanis, Ramlil Abu Seman menunjukkan hasil buah pelam Harumanis di ladangnya di Arau.

Cabaran pengusaha harumanis Perlis

Harumanis adalah antara baka mangga yang terbaik di Malaysia.

Jabatan Pertanian Negeri Perlis telah mendaftarkan harumanis Perlis sebagai harta intelek pada 2 Ogos 2011.

Harumanis digredkan mengikut berat misalnya Gred AA atau A+ bagi buah yang berat 500 grm (g) ke atas.

Gred A (350 g) hingga 500 g, Gred B (350 g) dan Gred C 39 g ke bawah. Bagi semua gred rasanya adalah sama walaupun kadangkadangkang terdapat sedikit perbezaan.

Keaslian harumanis selalu menjadi persoalan kerana pembeli dan penjual tidak mahu tentang rupa buahnya.

Isu ini menjadikan masalah penjujukan keaslian harumanis apabila permintaan tinggi dan bekalan tidak mencukupi.

Secara umumnya rupa bentuk buah harumanis mestilah nampak menarik, bersih dan tidak cacat serta bebas daripada titik-titik hitam.

Salz harum manis 500 g sebijil adalah saiz yang sesuai dalam pasaran.

sebanyak antara 300 hingga 500 tan harumanis boleh dikeluarkan. Terdapat juga pengusaha harumanis secara kecil-kecilan menyokong pengeluaran mangga in di Perlis.

Pengeluaran harumanis di Perlis terus meningkat bukan sahaja untuk permintaan tempatan tetapi juga untuk di eksport. Cabaran dalam pengeluaran harumanis berkualiti untuk dieksport ialah penjagaan kualiti buahnya.

Penjagaan ini mestilah memenuhi piawai yang ditetapkan untuk pasaran.

Antara sebab kos harumanis meningkat ialah kerana penjagaannya yang rapi untuk menjamin kualitinya.

Program penjagaan pokok sepanjang masa seperti kualiti tanah, pembajaan, penggunaan racun, pengairan secara optimum, keperluan cahaya yang sesuai di samping kerja pemangkasan, melindungi daripada serangan serangga

(lebih kurang 1.3 peratus keluasan negeri Perlis) ditanam dengan harumanis dan seluas 655.1 hektar telah mengeluarkan hasil.

Kebanyakan harumanis di Perlis ditanam di kawasan Bukit Bintang dan Sungai Batu Pahat. Kawasan tersebut merupakan pengeluaran harumanis di negara ini.

Dalam seribu ekar tanah